

Media : Berita Harian

Date : 16 May 2016

Ajinomoto pastikan sodium rendah

Kuala Lumpur: Sebanyak 56 resipi diubah suai serta dicipta bersama Umami bagi memastikan kandungan sodium rendah dalam makanan dilaksanakan dalam Projek 'Eat Well, Live Well With Umami'.

Projek pertama kali dianjurkan oleh Ajinomoto (Malaysia) Berhad bersama Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) itu dilaksana-

kan di Rumah Victory Elderly Home, Jalan Puchong.

Projek CSR

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Ajinomoto (Malaysia) Berhad, Lau Chin Mun, berkata projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat itu juga adalah untuk memastikan warga emas di situ mendapat makanan seimbang.

"Kami cuba untuk membalik proses penyediaan makanan dan meningkatkan selera mereka dengan gaya hidup yang sihat.

"Malah, program ini juga adalah untuk mengurangi masalah pengambilan garam berlebihan dalam masakan. Justeru, kami menggunakan Umami sebagai langkah pengambilan makanan seimbang," katanya.

[FOTO MUHAMMAD ASYRAF SAWAL/BH]



Chin Mun (kanan) beramah mesra bersama penghuni Rumah Orang Tua sempena program anjuran Ajinomoto Malaysia di Rumah Victory Elderly Home, Puchong.